

01 OCT 2001

Shahrizat-IFC

M'SIA TUAN RUMAH PERSIDANGAN KELUARGA ANTARABANGSA PERTAMA

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Peningkatan keprihatinan terhadap kestabilan kehidupan keluarga dan kesannya terhadap ekonomi, masyarakat dan negara telah meletakkan strategi memperkukuhkan institusi keluarga dalam agenda dunia.

Menyedari akan perkara itu, kerajaan Malaysia akan mengadakan Persidangan Keluarga Antarabangsa (IFC 2001) pertama bagi mewujudkan rangka kerja bagi pembinaan dasar dan program keluarga efektif.

Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata persidangan itu, yang akan diadakan pada 25-28 Okt, akan menumpukan pada kepentingan kritikal dasar dan program bagi memenuhi keperluan dan aspirasi keluarga hari ini.

"Pada IFC 2001, kami berharap akan menyelesaikan kebimbangan pelbagai agensi kerajaan, keluarga dan organisasi masyarakat yang sedang mencari jalan untuk memperkukuhkan kehidupan keluarga dan memastikan institusi berharga ini mempunyai perlindungan dan sokongan yang diperlukannya," katanya kepada pemberita hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed akan menyampaikan ucap tama pada persidangan itu yang dijangka akan dihadiri kira-kira 700 peserta, berserta lebih 60 penceramah, hampir separuh dari mereka terdiri komuniti pembangunan keluarga antarabangsa.

"Ia dipenuhi dengan pelbagai bakat terutama mereka dari negara lebih maju kerana institusi keluarga mereka telah melalui pelbagai trauma dan tekanan. Kita mahu belajar dari mereka, supaya kita tidak membuat kesilapan yang sama," kata Shahrizat.

Beliau berkata persidangan itu juga akan memberi peluang kepada golongan di bawah 25 tahun untuk terlibat secara aktif dalam perbincangan pada sesi meja bulat remaja.

Kehadiran golongan muda, bersama-sama dengan penyertaan organisasi bukan kerajaan berkaitan keluarga dari seluruh dunia, akan memperluaskan lagi skop persidangan itu dan membawa perspektif bernilai pada perbincangan itu, katanya.

Antara isu yang akan dibincangkan pada sesi meja bulat itu ialah masalah komunikasi antara remaja dan ibu bapa mereka, gaya hidup, budaya, kebebasan dan tanggungjawab mereka.

Mereka yang berminat menyertainya diminta menghubungi Sekretariat IFC 2001 di talian 03-7954 7030/31 atau melawat www.lppkn.gov.myfc.

-- BERNAMA

NHA HK RHM